JAHARA HAMID lwn. LIM GUAN ENG

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, PULAU PINANG
NORDIN HASSAN PK
[GUAMAN SIVIL NO: 23NCVC-4-03-2014]
3 JULAI 2015

TORT: *Fitnah – Sidang akhbar – Melabelkan plaintif sebagai "racist grandmother" – Sama ada bersifat fitnah – Pembelaan – Justifikasi dan ulasan saksama – Sama ada terpakai – Ganti rugi – Ganti rugi wajar*

Kedua-dua plaintif dan defendan dalam kes fitnah di sini adalah ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ('ADUN'), di mana defendan, selain menjadi ADUN, adalah juga Ketua Menteri Pulau Pinang. Pada 9 Disember 2013, semasa sidang Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang ke-13 sedang berlangsung, plaintif telah membangkitkan di dalam Dewan masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga, terutama peniaga Bumiputera, sambil merujuk kepada fakta di mana dua gerai Melayu telah diroboh oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai, sementara empat restoran makanan laut milik peniaga Cina hanya dikenakan kompaun. Selanjutnya, plaintif meminta supaya pihak berkuasa tempatan berkenaan mengambil tindakan penguatkuasaan secara adil dan saksama tanpa mengira kaum dan keturunan. Selain itu, plaintif juga membangkitkan persoalan mengenai pembinaan sebuah tokong di Pulau Jerjak, yang dikatakan dibuat tanpa lesen, serta ura-ura untuk menukar nama pulau tersebut kepada Pulau Mazu. Walau apapun, ekoran daripada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh plaintif di dalam Dewan tersebut, defendan telah mengadakan satu sidang akhbar sejurus selepas persidangan Dewan ditangguh, di mana defendan menuduh plaintif sebagai memainkan isu perkauman. Defendan seterusnya mengatakan "they are racists and I am sad that JAHARA which I always thought that she is a reasonable grandmother ... she is also a typical racist grandmother". Plaintif mengatakan bahawa defendan telah memfitnahnya dan kerana itu telah memfailkan tindakan fitnah terhadap defendan. Dalam pembelaannya, defendan menyatakan bahawa kenyataannya tidak bersifat fitnah, dan bahawa beliau mempunyai pembelaan-pembelaan justifikasi dan ulasan saksama. Selain itu, defendan juga membuat tuntutan balas terhadap plaintif, dengan menghujahkan bahawa apa yang dikatakan oleh plaintif di luar Dewan, sewaktu mengulas apa yang berlaku di dalam Dewan, adalah merupakan satu fitnah terhadapnya. Persoalan penting yang berbangkit adalah sama ada apa yang dikatakan oleh defendan dalam sidang akhbar tersebut telah memfitnah plaintif, dan jika begitu, apakah ganti rugi wajar yang perlu diawardkan oleh mahkamah kepada plaintif.

Diputuskan (membenarkan tuntutan; menolak tuntutan balas; mengawardkan RM500,000 sebagai ganti rugi):

(1) Berdasarkan keseluruhan keterangan, plaintif telah berjaya membuktikan kes fitnah terhadap defendan atas imbangan kebarangkalian. (perenggan 91)

(2) Penggunaan perkataan-perkataan bahawa plaintif memainkan isu perkauman dan propaganda perkauman serta menimbulkan kebencian antara kaum, bahawa plaintif adalah seorang nenek yang rasis, tidak profesional, jahat, menipu, banyak memfitnah dan memainkan isu defendan adalah rasis dan chauvinist adalah merupakan pernyataan fitnah terhadap plaintif. (perenggan 40)

(3) Apa yang dibangkitkan oleh plaintif di dalam dan di luar Dewan adalah berdasarkan fakta yang betul, dan dalam konteks kes di sini, hanya kerana plaintif menyebut perkataan peniaga Melayu dan peniaga Cina tidak menjadikan plaintif bersifat perkauman atau seorang yang rasis. Tanggungjawab plaintif adalah untuk mewakili semua kaum terutama yang bermasalah dan dalam kes ini ia melibatkan peniaga-peniaga Melayu. (perenggan 66)

(4) Mengenai isu pembinaan tokong di Pulau Jerjak, dan penukaran nama pulau tersebut, tiada apa-apa keterangan menunjukkan bahawa plaintif secara langsung atau inferen memberi gambaran bahawa defendan telah memberi kebenaran bagi pembinaan tokong di pulau tersebut atau pertukaran nama pulau tersebut kepada Pulau Mazu. (perenggan 76 & 77)

(5) Pernyataan-pernyataan defendan adalah tidak benar, bukan pernyataan pendapat yang berdasarkan fakta, bukan suatu ulasan atau komen (yang adil) tetapi jelas bersifat fitnah. Oleh yang demikian, syarat pertama untuk pembelaan ulasan saksama telah tidak dipenuhi. Ini sahaja sudah mencukupi untuk mahkamah menolak pembelaan ulasan saksama defendan. (perenggan 85)

(6) Bagi menentukan ganti rugi, beberapa faktor perlu diambil perhatian. Ini termasuklah kesan fitnah kepada integriti, reputasi, maruah, profesion dan emosi plaintif, tahap keseriusan fitnah, kedudukan plaintif dalam masyarakat dan perbuatan defendan selepas perlakuan fitnah termasuk jika ada permohonan maaf darinya. Mengambilkira semua ini, serta kedudukan plaintif sebagai pemimpin politik dan masyarakat, jumlah ganti rugi global yang wajar dibayar oleh defendan kepada plaintif adalah RM500,000. (perenggan 93, 95, 96)

(7) Pernyataan-pernyataan yang dibuat oleh plaintif adalah menjurus kepada persoalan penguatkuasaan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai dan persoalan mengenai pembinaan tokong dan pertukaran nama Pulau Jerjak. Walaupun begitu, tiada sebarang rujukan dibuat kepada defendan sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Oleh itu, tuntutan balas defendan gagal dibuktikan dan dengan itu ditolak. (perenggan 113 - 115)

Kes-kes yang dirujuk:

Abdul Rahman Talib v. Seenivasagam & Anor [1964] 1 LNS 2 HC ***(dirujuk)***

Ayob Saud v. TS Sambanthamurthi [1989] 1 CLJ 152; [1989] 1 CLJ (Rep) 321 HC ***(dirujuk)***

Chok Foo Choo v. The China Press Bhd [1999] 1 CLJ 461 CA ***(dirujuk)***
Dato' Seri Mohammad Nizar Jamaluddin v. Sistem Televisyen Malaysia Bhd & Anor [2014] 3 CLJ 560 CA ***(dirujuk)***
Hussin Mohd Ali v. Ho Kay Tat & Anor [2004] 2 CLJ 407 HC ***(dirujuk)***
Irene Fernandez v. Utusan Melayu (M) Sdn Bhd & Anor [2008] 2 CLJ 814 HC ***(dirujuk)***
Keluarga Communication Sdn Bhd v. Normala Samsudin & Another Appeal [2006] 2 CLJ 46 CA ***(dirujuk)***
Lee Kuan Yew v. JB Jeyaretnam [1978] 1 LNS 93 HC ***(dirujuk)***
Lim Boo Chang v. Ng Wei Aik [2014] 1 LNS 1410 HC ***(dirujuk)***
Lim Guan Eng v. Utusan Melayu (M) Bhd [2012] 2 CLJ 619 HC ***(dirujuk)***
Ling Wah Press (M) Sdn Bhd & Ors v. Tan Sri Dato' Vincent Tan Chee Yioun & Other Appeals [2000] 3 CLJ 728 FC ***(dirujuk)***
Mohd Razali Abdullah v. Ooi Chuan Aun @ Jeff Ooi (Guaman Sivil No: 22-69-2010) (Unreported) ***(dirujuk)***
Sanmugam Ponmugam Ponnan v. Halijah Abbas & Anor [2013] 1 LNS 257 HC ***(dirujuk)***
Shaharuddin Mohammad v. Malayan Banking Bhd [2011] 5 CLJ 205 HC ***(dirujuk)***
Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'kub v. Bre Sdn Bhd & Ors [1995] 1 LNS 304 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Defamation Act 1957, ss. 8, 9

Bagi pihak plaintif - Jahaberdeen Mohamed Yunoos; T/n Jahaberdeen & Co
Bagi pihak defendan - Mureli Navaratnam; T/n Mureli Navaratnam

Dilaporkan oleh Wan Sharif Ahmad

PENGHAKIMAN

Nordin Hassan PK:

Pendahuluan

[1] Kes ini adalah satu saman fitnah oleh plaintif terhadap defendan kerana membuat pernyataan-pernyataan mengenai plaintif dalam satu sidang media yang didakwa oleh plaintif sebagai fitnah.

[2] Plaintif adalah seorang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Pinang sejak tahun 1995 dan sehingga sekarang merupakan ADUN Pulau Pinang untuk penggal yang kelima. Plaintif juga telah dilantik sebagai Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2013.

[3] Selain itu juga, plaintif adalah seorang peguambela dan peguamcara dan sekarang memegang pelbagai jawatan dalam masyarakat dan dalam bidang politik, antaranya adalah Ahli Majlis Pembangunan Persekutuan Pulau Pinang, Ahli Majlis Pembangunan Bumiputera, Pengerusi Focus Group (Pembangunan Hartanah dan Pembangunan Wanita & Keluarga Bumiputera Pulau Pinang), Ketua Pergerakan Wanita UMNO Cawangan Teluk Air Tawar dan Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Bahagian Tasek Gelugor.

[4] Defendan pula adalah Ketua Menteri Pulau Pinang, Ahli Parlimen bagi kawasan Bagan dan Ahli Dewan Undangan Negeri untuk Air Putih. Defendan juga merupakan Setiausaha Agung 'Democratic Action Party (DAP)'.

Ringkasan Fakta Kes

[5] Pada 9 Disember 2013, semasa persidangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, plaintif telah membangkitkan antara lain dua perkara iaitu pertamanya mengenai masalah peniaga-peniaga terutama peniaga Bumiputera di Pulau Pinang dengan antara lain plaintif telah merujuk kepada dua gerai peniaga Melayu di Persiaran Gurney yang dirobohkan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang tanpa diberi notis. Perkara kedua adalah mengenai Pulau Jerjak yang dikatakan telah ditukar nama kepada Pulau Mazu dan tokong yang telah dibina di pulau tersebut.

[6] Perdebatan hangat berlaku di kalangan beberapa ahli-ahli Dewan Undangan Negeri berhubung kedua-dua perkara yang dibangkitkan oleh plaintif tersebut yang dikatakan bersifat sensitif.

[7] Sejurus selepas persidangan Dewan Undangan Negeri berkenaan, iaitu pada hari yang sama, satu sidang media telah diadakan dan dalam sidang media ini, defendan telah membuat beberapa pernyataan terhadap plaintif yang didakwa berunsur fitnah. Transkripsi rakaman sidang media ini dikemukakan di mahkamah dan dapat dilihat di ms. 70 dan 71, ikatan dokumen bersama.

[8] Pernyataan-pernyataan oleh defendan yang didakwa berunsur fitnah berdasarkan keterangan plaintif dan seperti diperincikan di perenggan 6, pernyataan tuntutan terpinda adalah seperti berikut:

(a) Lim Guan Eng (LGE) ... saya rasa itulah tidak patut beliau main perkauman. Beliau tak mahu sebut sama ada lebih daripada 4 gerai Melayu. Dia cakap ada 4 gerai cina, tapi tak mahu sebut 4 gerai Melayu. Saya telah confirm, kerana saya pernah pergi sana. DUN-DUN itu bukan kawasan saya ... tapi saya pernah pergi sana, saya nampak ada tanya ... YDP dan YDP pun ada sah ada ... So saya rasa itu penting supaya pembangkang jahat teruskan nak mainkan perkauman saya amat kesal Ketua Pembangkang cuba putarbelitkan isu supaya boleh teruskan propaganda perkauman dan menimbulkan kebencian di antara kaum.

(b) But don't go and say we don't take action against the Chinese stalls, we only take action against Malay stalls ... that's wrong ... there are 4 Chinese stalls but there are more that 4 Malay stalls ... why not mention that there are more that 4 Malay stalls ... why not mention that there are more than 4 Malay stalls ... they are racist (with emphasis) and I am sad that JAHARA which I always thought that she is a reasonable grandmother ... she is also a typical racist grandmother ... that's sad ...

(c) "... What Jahara buat ... what (inaudible) buat ... mereka tak cakap semua ... then dia ada agenda perkauman ... dia tak mahu beritahu hakikat sebenarnya ... dia cakap separuh-separuh ... macam kes tadi ... dia sebut 4 gerai cina tak mahu sebut lebih daripada 4 gerai melayu ... (inaudible)". So dia ada banyak itu fitnah yang dia buat kita akan jawab pada masa yang tepat ..., so yang itu saya rasa kita akan jawab pada masa yang sesuai ... tapi yang penting itu saya rasa amat jahat".

(d) "... don't go take all sorts of assertions ... itu jahat ... kalau macam ini you angkat dengan gambar siapa you mesti ada hubungan dengan dia ... tolong la jangan bersikap tak profesional macam ini ..."

(e) "... lets be clear ... as far as I know I have approved many land approvals ... I have never given such approval ... okay ... but I'm awaiting a report from the Land Office ... we have never given such an approval ... so far her to go and make this type of insinuation, again ag ... this is another lie, the state government has never given such approval ... for her to take this type of insinuation ah ... jahat seribu jahat ... jangan berlagak macam dulu ketua pembangkang ... cakap la benar, ... itu biasa la ... da nak mainkan tu suatu profil bahawa saya saya racist chauvinist ... tapi kita tak cakap benar ... kita tak mahu cakap fitnah ... ini suatu lagi fitnah ... saya tak pernah lulus ... kerajaan negeri tak pernah lulus apa yang didakwa ... so itu fitnah bahawa kita lulus itu fitnah sama sekali ... tapi saya nak laporan saya masih tunggu laporan ... that 1 can say 100% ... tak pernah lulus ... so kalau cakap ini lulus ini ketua pembangkang bohong lagi ... untuk seorang nenek saya rasa amat kesal ... nenek ... nenek bohong punya ... ok itu sahaja ..."

[9] Seterusnya berita mengenai pernyataan-pernyataan defendan ini telah disiarkan dalam 'The Malay Mail Online' pada hari yang sama iaitu 9 Disember 2013.

[10] Defendan kemudiannya telah membuat permohonan maaf kerana menggunakan perkataan 'grandmother' terhadap plaintif tetapi pada masa yang sama tetap menyatakan plaintif adalah seorang yang rasis. Permohonan maaf oleh defendan dan kenyataan defendan bahawa plaintif adalah seorang rasis ini telah diterbitkan dalam akhbar 'The Star' pada 11 Disember 2013.

[11] Sehubungan dengan pernyataan-pernyataan yang didakwa berunsur fitnah ini plaintif mendakwa ianya telah menjejaskan, merendahkan dan merosakkan reputasi, kredibiliti kepimpinan dan perwatakan profesional plaintif.

[12] Justeru itu, plaintif telah membuat tuntutan-tuntutan berikut terhadap defendan:

(i) perintah injunksi bagi menghalang defendan dari membuat dan terlibat dalam menerbitkan apa-apa fitnah terhadap plaintif;

(ii) perintah untuk penarikan balik penerbitan yang berunsur fitnah terhadap plaintif dan permohonan maaf dalam akhbar tempatan dan media elektronik;

(iii) ganti rugi am dan ganti rugi tambahan; dan

(iv) kos.

[13] Defendan kemudiannya telah membuat tuntutan balas terhadap plaintif berhubung pernyataan-pernyataan plaintif pada 10 Disember 2013 yang dikatakan bersifat fitnah.

Hujahan Pihak Plaintif

[14] Pihak plaintif berhujah bahawa pernyataan-pernyataan yang dibuat oleh defendan semasa sidang media pada 9 Disember 2013 tersebut adalah tidak benar dan merupakan fitnah terhadap plaintif.

[15] Dihujahkan juga pernyataan-pernyataan defendan tersebut pada pengertian semulajadi dan lazimnya atau secara inferen dalam konteks ianya dibuat adalah membawa maksud antara lain adalah:

(i) plaintif memainkan isu perkauman di dalam Dewan Undangan Negeri;

(ii) plaintif memainkan isu perkauman dalam politik;

(iii) plaintif adalah pembangkang yang jahat yang sengaja memutarbelitkan isu untuk menimbulkan kebencian untuk kaum dan untuk melaksanakan propaganda perkauman;

(iv) plaintif adalah seorang nenek yang tidak munasabah;

(v) plaintif adalah seorang nenek yang rasis;

(vi) plaintif tidak sesuai sebagai pemimpin contoh bagi generasi muda Malaysia yang berbilang kaum;

(vii) plaintif adalah seorang pemimpin yang amat jahat;

(viii) plaintif mempunyai agenda perkauman;

(ix) plaintif adalah seorang yang mencetuskan banyak fitnah;

(x) plaintif adalah seorang yang tidak profesional;

(xi) plaintif adalah seorang yang banyak membuat tuduhan atau kenyataan yang tidak berasas; dan

(xii) plaintif memainkan isu perkauman dengan memprofilkan defendan sebagai rasis dan 'chauvinist'.

[16] Sehubungan itu, pihak plaintif berhujah kenyataan-kenyataan berunsur fitnah ini telah menjatuhkan atau mencemarkan reputasi dan kredibiliti plaintif.

[17] Plaintif seterusnya berhujah bahawa pembelaan justifikasi dan ulasan saksama (fair comment) tidak terpakai dalam kes ini.

Hujahan Pihak Defendan

[18] Pihak defendan pula berhujah bahawa pernyataan-pernyataan yang dibuat oleh defendan pada sidang media pada 9 Disember 2013 tersebut adalah tidak bersifat fitnah kerana pernyataan-pernyataan tersebut dibuat untuk menjelaskan dakwaan-dakwaan palsu yang dibuat oleh plaintif semasa persidangan Dewan Undangan Negeri pada hari berkenaan.

[19] Pihak defendan juga berhujah bahawa pernyataan-pernyataan yang dibuat oleh defendan tersebut tidak mendedahkan plaintif kepada kebencian, penghinaan atau merendahkan plaintif pada pandangan masyarakat. Oleh itu dihujahkan pernyataan-pernyataan defendan berkenaan bukan pernyataan fitnah terhadap plaintif.

[20] Selanjutnya, dihujahkan sekiranya pernyataan-pernyataan defendan tersebut bersifat fitnah, defendan mempunyai pembelaan justifikasi dan ulasan saksama bagi pernyataan-pernyataan berkenaan.

[21] Berhubung pembelaan justifikasi, defendan menegaskan bahawa pernyataan-pernyataan yang dibuat oleh defendan tersebut adalah benar dan adalah untuk menjelaskan dakwaan-dakwaan yang ditimbulkan oleh plaintif dalam persidangan Dewan Undangan Negeri pada 9 Disember 2013 berkenaan.

[22] Seterusnya berkaitan pembelaan ulasan saksama (fair comment), pihak defendan berhujah bahawa pernyataan-pernyataan defendan tersebut adalah suatu ulasan yang berdasarkan fakta dan melibatkan perkara kepentingan awam.

Isu-isu Yang Dibicarakan Untuk Keputusan Mahkamah

[23] Mahkamah ini perlu memutuskan isu-isu berikut:

(i) sama ada pernyataan-pernyataan defendan dalam sidang media pada 9 Disember 2013 merupakan fitnah terhadap plaintif;

(ii) sama ada defendan mempunyai pembelaan justifikasi bagi pernyataan-pernyataan defendan tersebut; dan

(iii) sama ada defendan mempunyai pembelaan ulasan saksama (fair comment) bagi pernyataan-pernyataan defendan tersebut.

Dapatan Dan Keputusan Mahkamah

[24] Bagi sesuatu tindakan saman fitnah seperti dalam kes ini undang-undang mantap adalah jelas bahawa plaintif perlu membuktikan pada imbangan kebarangkalian tiga elemen berikut:

(i) pernyataan atau perkataan-perkataan defendan berkenaan adalah fitnah;

(ii) pernyataan atau perkataan-perkataan defendan berkenaan merujuk kepada plaintif; dan

A (iii) pernyataan atau perkataan-perkataan defendan berkenaan telah diterbitkan dan dibaca oleh pihak ketiga.

[25] Kes yang sering dirujuk berhubung elemen fitnah ini adalah *Ayob Saud v. TS Sambanthamurthi* [1989] 1 CLJ 152; [1989] 1 CLJ (Rep) 321; [1989] 1 MLJ 315 di mana Hakim Mohmed Dzaiddin menjelaskan:

B

> In our law on libel, which is governed by the Defamation Act 1957 the burden of proof lies on the Plaintiff to show (1) the words are defamatory (2) the words refers to the Plaintiffs and (3) the words were published.

[26] Berdasarkan keterangan yang dikemukakan dan tidak dipertikaikan C oleh pihak defendan bahawa dua elemen bagi pembuktian tindakan fitnah telah dibuktikan oleh plaintif dalam kes ini iaitu:

(i) pernyataan-pernyataan defendan dalam sidang media pada 9 Disember 2013 tersebut adalah merujuk kepada plaintif; dan

D (ii) pernyataan-pernyataan defendan berkenaan telah diterbit atau disiarkan dalam 'Malay Mail Online' pada hari yang sama dan diikuti dengan terbitan berita pernyataan-pernyataan defendan dalam media massa yang lain.

[27] Oleh itu, elemen penting selanjutnya yang perlu dibuktikan oleh E plaintif adalah sama ada pernyataan-pernyataan defendan tersebut merupakan pernyataan fitnah.

Pernyataan Fitnah

[28] Jelasnya tiada sebarang peruntukan undang-undang di Malaysia yang memberi pengertian atau definisi pernyataan fitnah. Pernyataan atau F perkataan-perkataan yang dikatakan bersifat fitnah ini digariskan dalam kes-kes yang diputuskan oleh mahkamah.

[29] Pengertian pernyataan atau perkataan-perkataan bersifat fitnah oleh mahkamah ini pastinya tidak 'exhaustive' tetapi telah dapat menjelaskan apa yang dimaksudkan perkataan-perkataan bersifat fitnah. G

[30] Dalam kes Mahkamah Rayuan, *Chok Foo Choo v. The China Press Bhd* [1999] 1 CLJ 461, ujian bagi menentukan perkataan-perkataan fitnah dinyatakan seperti berikut

> In my judgment, the test which is to be applied lies in a question: do the H words published in their natural and ordinary meaning impute to the Plaintiff any dishonourable or discreditable conduct or motives or a lack of integrity on his part? If the question invites an affirmative response, then the words complained of are defamatory.

[31] Di sini, apa yang perlu dilihat adalah maksud semulajadi dan makna I lazim perkataan-perkataan tersebut. Ini termasuklah maksud perkataan-perkataan berkenaan secara literal, tersirat atau melalui inferen. Perkara ini juga dikupas dalam kes yang sama di mana dinyatakan:

> The ordinary and natural meaning of words may be either the literal meaning or if may be an implied or inferred or an indirect meaning any meaning that does not require the support of extrinsic facts passing beyond general knowledge but is a meaning which is capable of being detected in the language used can be part of ordinary and natural meaning of words (see *Lewis v. Daily Telegraph Ltd* [1963] 2 All ER 151). The ordinary and natural meaning may therefore include any implication or inference which a reasonable reader, guided not by any special but only by general knowledge and not fettered by any strict legal rules of construction, would draw from the words.

[32] Seterusnya, perkataan-perkataan yang digunakan adalah bersifat fitnah apabila perkataan-perkataan tersebut mendedahkan plaintif kepada kebencian atau penghinaan pada kacamata seorang yang munasabah (reasonable man) atau merendahkan plaintif pada pandangan ahli masyarakat yang berfikiran betul. Kesan dari perkataan-perkataan fitnah ini juga menjejaskan dan mencemar reputasi dan kredibiliti plaintif.

[33] Berhubung perkara ini, Hakim Richard Malanjum (pada ketika itu) dalam kes *Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'kub v. Bre Sdn Bhd & Ors* [1995] 1 LNS 304 menyatakan:

> As to whether the words complained of in this case were capable of being and were in fact, defamatory of the plaintiff, the test to be considered is whether the words complained of were calculated to expose him to hatred, ridicule or contempt in the mind of a reasonable man or would tend to lower the plaintiff in the estimation of right-thinking members of society generally (see *JB Jeyaretnam*). Mohamed Azmi J (as he then was) in *Syed Husin v. Sharikat Penchetakan Utusan Melayu Bhd & Anor* [1973] 2 MLJ 56 at p. 58 said:
>
> > Thus, the test of defamatory nature of statement is its tendency to excite against the plaintiff the adverse opinion of others although no one believes the statement to be true. Another test is would the words tend to lower the plaintiff in the estimation of right-thinking members of society generally? The typical type of defamation is an attack upon the moral character of the plaintiff attributing crime, dishonesty, untruthfulness, ingratitude or cruelty.
>
> Words could still be defamatory even if they did not really lower a plaintiff in the estimation of those to whom they were published. The law looks only to its tendency (see *JB Jeyaretnam v. Goh Chok Tong*: *Syed Husin Ali v. Sharikat Penchetakan Utusan Melayu Bhd & Anor*).

[34] Seterusnya dalam mempertimbangkan sama ada pernyataan itu bersifat fitnah terhadap plaintif, ujian yang digunakan adalah ujian secara objektif dengan meneliti pernyataan-pernyataan berkenaan secara keseluruhan. Ini dinyatakan dalam kes Mahkamah Rayuan, *Keluarga Communication Sdn Bhd v. Normala Samsudin & Another Appeal* [2006] 2 CLJ 46; [2006] 2 MLJ 700 yang menyatakan di ms. 58 (CLJ); ms. 708 (MLJ) seperti berikut:

A

> At the outset we would state that the test to be applied when considering whether a statement is defamatory of a plaintiff is well settled in that, it is an objective one in which it must be given a meaning a reasonable man would understand it and for that purpose, that is, in considering whether the words complained of contained any defamatory imputation, it is necessary to consider the whole article.

B

[35] Selanjutnya, pernyataan-pernyataan yang dibuat oleh seseorang yang berkedudukan tinggi dalam masyarakat seperti pemimpin adalah lebih dipercayai dan lebih memberi kesan kepada masyarakat. (Lihat juga kes *Lim Boo Chang v. Ng Wei Aik* [2014] 1 LNS 1410 dan *Mohd Razali Abdullah v. Ooi Chuan Aun @ Jeff Ooi* Mahkamah Tinggi Pulau Pinang Guaman Sivil No: 22-69-2010).

C

[36] Kembali kepada kes plaintif terhadap defendan, saya telah meneliti secara terperinci pernyataan-pernyataan defendan yang dibuat semasa sidang akhbar pada 9 Disember 2013 tersebut. Selain dari pertimbangan pada keseluruhan konteks pernyataan-pernyataan berkenaan, saya mendapati perkataan-perkataan yang dizahirkan yang perlu diberi pertimbangan sama ada ianya bersifat fitnah adalah seperti berikut:

D

(i) "Beliau main perkauman";

(ii) "Pembangkang jahat teruskan nak memainkan perkauman";

E

(iii) "Ketua Pembangkang cuba putarbelitkan isu supaya boleh teruskan propaganda perkauman dan menimbulkan kebencian di antara kaum";

(iv) "Jahara which I always thought that she is a reasonable grandmother ... she is also a typical racist grandmother ...";

F

(v) "... then dia ada agenda perkauman";

(vi) "so dia ada banyak fitnah yang dia buat ...";

(vii) "... don't make all sort of assertion ... itu jahat ... jangan bersikap tidak profesional macam ini";

G

(viii) "... this is another lie ... the State government has never given such approval";

(ix) "... for her to make such insinuation ah ... jahat seribu jahat";

H

(x) "... dia mainkan itu suatu profil bahawa saya racist, chauvinist ..."; dan

(xi) "... so kalau cakap ini lulus ini ketua pembangkang bohong lagi ... untuk seorang nenek saya rasa amat kesal ... nenek ... nenek bohong punya ..."

I

[37] Berdasarkan bacaan secara literal pernyataan-pernyataan ini sahaja, saya mendapati ianya menunjukkan antara lain iaitu:

(i) plaintif memainkan isu dan propaganda perkauman serta menimbulkan kebencian antara kaum;

(ii) plaintif adalah nenek yang rasis;

(iii) plaintif tidak profesional, jahat, menipu dan banyak memfitnah; dan

(iv) plaintif memainkan isu bahawa defendan adalah rasis dan chauvinist.

[38] Pernyataan-pernyataan defendan pada 9 Disember 2013 ini juga telah membawa respon dan komen yang negatif di kalangan masyarakat terhadap plaintif seperti dinyatakan dalam keterangan plaintif yang merujuk kepada komen yang diberikan dalam media elektronik iaitu MSN.com seperti berikut:

(i) komen pengguna Internet yang menamakan dirinya 'Axe Stars'

> Jahara still continues with her Grandmother's story without making realising that playing with Racial Cards is far outdated in today society. Come On Jahara. The intelligentsia of Modern Malays today is much higher than than you can even imagined. You and some leaders have underestimated them. Its an insult to some of them by painting them as weak, naive and gullible to gain your own personal political mileage.

(ii) komen pengguna Internet yang menamakan dirinya 'Malaysia for Malaysians'

> this umno people have no interest to have a country with intellectuals, they play the racist card agains and again to confuse the malays and make them hate others. And to top that our country had to have these fire starters mamaks playing the role of pure malay than the malay themselves. Sad to say but until the common malays wake up and see the rat, we all including the common Malays will conned off our lives.

(iii) komen pengguna Internet yang menamakan dirinya 'Hello'

> To bring up matter only to be slapped back with reality do hurt for most. But I guess this senile grandmother doesn't have the sense anymore detect shame because she kept up bringing stupid matter without investigating first.
>
> Race this, race that. UMNO have no other agenda to promote themselves. If you are a racist, stop bringing the issue as you will be defined a hypocrites. More and more of you guys are mushrooming for the sake of scaring points. Just statistics for us ...

[39] Berdasarkan prinsip undang-undang yang telah dinyatakan berhubung pernyataan fitnah dan pertimbangan terhadap perkataan-perkataan defendan secara terperinci dan dalam konteks keseluruhan pernyataan-pernyataan defendan, saya mendapati pernyataan defendan ini mendedahkan plaintif kepada kebencian dan penghinaan pada pandangan seorang yang munasabah dan menyebabkan plaintif dipandang rendah pada pandangan ahli masyarakat yang berfikiran betul (right thinking members of society).

[40] Sehubungan dengan itu juga saya mendapati penggunaan perkataan-perkataan bahawa plaintif memainkan isu dan propaganda perkauman serta menimbulkan kebencian antara kaum, nenek yang rasis, tidak profesional, jahat, menipu, banyak memfitnah dan memainkan isu defendan adalah rasis dan chauvinist adalah merupakan pernyataan fitnah terhadap plaintif.

[41] Selain itu, terdapat juga nas undang-undang yang telah memutuskan bahawa perkataan-perkataan berikut adalah bersifat fitnah terhadap plaintif. Nas-nas tersebut adalah seperti berikut:

(i) pernyataan plaintif menipu dan berbohong adalah fitnah yang serius terhadap plaintif. (kes *Chok Foo Choo v. The China Press Bhd* [1999] 1 CLJ 461 dan *Sanmugam Ponmugam Ponnan v. Halijah Abbas & Anor* [2013] 1 LNS 257).

(ii) pernyataan plaintif adalah rasis dan menggugat kepentingan bangsa Melayu adalah bersifat fitnah. (kes *Lim Guan Eng v. Utusan Melayu (M) Bhd* [2012] 2 CLJ 619).

[42] Berdasarkan huraian di atas, plaintif telah memenuhi ketiga-tiga elemen bagi tindakan fitnah terhadap defendan. Apa yang seterusnya perlu dipertimbangkan oleh mahkamah adalah pembelaan-pembelaan defendan. Pada peringkat ini adalah sesuai rujukan dibuat kepada prinsip undang-undang dalam kes *Abdul Rahman Talib v. Seenivasagam & Anor* [1964] 1 LNS 2; [1965] 1 MLJ 142 di mana Hakim Hepworth menjelaskan:

> Plaintif establishes a *prima facie* cause of action as soon as he has proved the publication of defamatory words. It is not part of the plaintiffs case in an action of defamation to prove the defamatory words are false for the law presumes this in his favour.

(lihat juga kes *Irene Fernandez v. Utusan Melayu (M) Sdn Bhd & Anor* [2008] 2 CLJ 814).

[43] Berhubung dengan pembelaan justifikasi defendan, peruntukan s. 8 Akta Fitnah 1957 adalah berkaitan dan memperuntukkan:

> In an action for libel or slander in respect of words containing two or more distinct charges against the Plaintif, a defence of justification shall not fail by reason only that the truth of every charged is not proved if the words not proved to be true do not materially injure the Plaintiff reputation having regard to the truth of the remaining charges'.

[44] Seterusnya untuk berjaya dalam pembelaan justifikasi ini, pihak defendan perlu membuktikan pada imbangan kebarangkalian bahawa pernyataan fitnah oleh defendan tersebut adalah benar atau sebahagian besarnya adalah benar.

[45] Prinsip ini telah dijelaskan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Dato' Seri Mohammad Nizar Jamaluddin v. Sistem Televisyen Malaysia Bhd & Anor* [2014] 3 CLJ 560.

> Under the law, both at common law as well as under our statutory regime, justification provides a complete defence to the defendant in a defamation suit. Under the Defamation Act 1957, such defences resides under s. 8 therein.

Seterusnya di ms. 573 dan 574 dinyatakan seperti berikut:

> In relying on the defence of justification the burden of proof is on the defendant to prove that the allegations made are true or are substantially true. The defendant must prove it on the balance of probabilities, that is, the allegation is more likely than not to be true. For example, an allegation published by repeating a rumour cannot be justified by proving that there was such a rumour. A defendant is required to prove the substance of the allegation. Since the burden of proving the truth of an allegation is on the defendant, claimants enjoy a distinct advantage in defamation claims. Justifications has to be used with great care. It can often be difficult to obtain sufficient admissible evidence to persuade the judge that the statement is true.

[46] Defendan dalam kes ini telah menegaskan bahawa pernyataan-pernyataan yang dibuat terhadap plaintif adalah benar.

[47] Pertamanya, berhubung dengan pernyataan berkaitan isu perkauman dan rasis terhadap plaintif, defendan berhujah bahawa ianya adalah benar kerana plaintif sengaja membangkitkan isu bangsa apabila menyatakan mengenai dua gerai Melayu di Persiaran Gurney dirobohkan dan pemilik restoran berbangsa Cina di Pantai Bersih hanya dikenakan kompaun sahaja setiap tahun oleh pihak berkuasa tempatan.

[48] Pihak defendan juga menegaskan bahawa kompaun dikenakan kepada semua peniaga yang tidak mempunyai lesen tanpa mengira bangsa dan dua gerai Melayu yang dirobohkan tersebut juga telah dikenakan kompaun sebelum dirobohkan.

[49] Selain itu, defendan juga secara langsung atau tidak langsung menyatakan pernyataan-pernyataan fitnah defendan yang termasuk perkataan-perkataan terhadap plaintif iaitu plaintif jahat, menipu, tidak profesional, banyak memfitnah adalah juga benar.

[50] Defendan seterusnya menegaskan apa yang dibangkitkan oleh plaintif dalam persidangan Dewan Undangan Negeri pada 9 Disember 2013 tersebut membawa inferen atau secara implikasinya adalah:

(i) defendan telah memberi nama baru atau menyebabkan Pulau Jerjak diberi nama baru iaitu Pulau Mazu tanpa mematuhi prosedur yang betul; dan

(ii) defendan mendapat faedah atau rasuah berdasarkan gambar yang diambil bersama defendan dan pengusaha tokong berkenaan seperti yang dirujuk oleh plaintif dalam Dewan Undangan Negeri.

[51] Bagi menentukan sama ada pernyataan fitnah defendan tersebut adalah benar atau sebaliknya, penelitian terhadap apa yang berbangkit dan dibincangkan di Dewan Undangan Negeri pada 9 Disember 2013 adalah amat perlu dan ini dapat dilakukan dengan merujuk kepada penyata rasmi, mesyuarat kedua, penggal pertama, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang bertarikh 9 Disember 2013.

[52] Pertamanya, mengenai pernyataan fitnah terhadap plaintif berkaitan isu perkauman dan pernyataan plaintif adalah rasis. Penelitian saya mendapati perdebatan mengenai isu ini di Dewan Undangan Negeri bermula antara lain dengan satu soalan bertulis oleh plaintif dan jawapan bertulis oleh YB Padang Kota yang menjawab bagi pihak Ketua Menteri. Soalan dan jawapan bertulis berkenaan iaitu perkara 4(B)(V111)17 adalah seperti berikut:

> Soalan Bertulis oleh Ahli Kawasan Telok Air Tawar, YB Dato' Hajah Jahara binti Hamid
>
> Kenapakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak mengambil sebarang tindakan ke atas restoran-restoran makanan laut yang beroperasi tanpa kebenaran di tepi pantai Bagan Ajam dan terus membina bangunan kekal tanpa sebarang kawalan?
>
> YB Chow Kon Yeow Menjawab Bagi Pihak YAB Ketua Menteri
>
> Sehingga kini terdapat sejumlah 4 buah restoran makanan laut di tepi pantai Bagan Ajam yang telah beroperasi seperti berikut:
>
> (i) Restoran 323 Seafood;
>
> (ii) Restoran Lobster Village Sefood;
>
> (iii) Restoran Northern Coastal Seafood; dan
>
> (iv) Kedai makanan Ah Chung.
>
> Sehingga kini tindakan penguatkuasaan ke atas premis restoran makanan laut berkenaan dengan mengeluarkan sebanyak 4 kompaun dart tahun 2010 hingga tahun 2013 telah diambil.
>
> Tarikh pengeluaran kompaun adalah seperti berikut:
>
> (i) 31 Mac 2010.
>
> (ii) 19 Mei 2011.
>
> (iii) 9 Oktober 2012.
>
> (iv) 20 Jun 2013.
>
> Manakala bagi pembinaan baru yang sedang dibuat, tindakan penguatkuasaan telah dijalankan mellbatkan sebuah restoran Lobster Village Seafood Retaurant pada 7 September 2012 yang mana binaan baru tersebut diruntuhkan binaan pada hari tersebut.

[53] Pada 9 Disember 2013, semasa persidangan Dewan Undangan Negeri yang ketiga belas ini, plaintif menarik perhatian Dewan mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh penggerai-penggerai terutama kaum

Bumiputera. Plaintif membuat rujukan kepada keratan akhbar Utusan Malaysia bertarikh 5 Disember 2013 di mana dua pengusaha gerai Bumiputera telah diusir dan gerai mereka dirobohkan tanpa sebarang notis sedangkan mereka telah berniaga hampir lebih 20 tahun di tempat tersebut. Sehubungan itu juga, plaintif merujuk kepada jawapan bertulis YB Padang Kota bagi pihak Ketua Menteri berkenaan dan bertanyakan mengapa restoran-restoran makanan laut di Bagan Ajam yang beroperasi tanpa kebenaran hanya dikenakan kompaun empat tahun berturut-turut. Plaintif juga menyatakan peniaga-peniaga restoran ini semuanya berbangsa Cina.

[54] Perkara ini dapat dilihat dalam laporan penyata rasmi Dewan Undangan Negeri seperti berikut:

> Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB Dato' Hajah Jahara binti Hamid):
>
> YB Dato Speaker saya ingin menarik perhatian tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh penggerai-penggerai dan peniaga-peniaga terutama sekali kaum bumiputera dan merujuk kepada keratan akhbar 5 Disember 2013 berkenaan dengan dua (2) pengusaha Mohd Sabri Mad Said dan ibunya Ramlah Ahmad dan Mohd Fairus Saad yang telah di usir dan gerai mereka dirobohkan oleh MPPP walaupun mereka telah pun berniaga di situ selama 20 tahun tanpa diberi notis. Jadi ini ialah satu klasik kes yang mana pengusiran, perobohan yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
>
> Di samping itu, saya ingin menarik perhatian Dewan kepada jawapan bertulis oleh YB Padang Kota yang menjawab bagi pihak Ketua Menteri berkenaan dengan soalan saya restoran-restoran makanan laut yang telah timbul wujud selepas siap PORR di Butterworth itu yang telah dibina di tanah kerajaan tanpa kebenaran yang telah wujud tak macam gerai tadi 20 tahun. Ini baru 10 tahun saya ingat Empat (4) kedai ini dah ada dan hanya di kompaun. Empat kali kompaun tahun 2010, 2011, 2012, 2013. Setahun sekali kompaun. Peniaga-peniaga ini yang semuanya berbangsa Cina dapat terus berniaga di kompaun setahun sekali sahaja. Dan selepas saya bertanya soalan Lobster Village itu ... (gangguan).

[55] Berhubung isu yang dibangkitkan oleh plaintif ini, YB Sungai Puyu telah meminta plaintif menarik balik pernyataan plaintif yang dikatakan sensitif kerana memberi gambaran Majlis Perbandaran Seberang Perai hanya mengambil tindakan terhadap orang Melayu sahaja. Bermula dari sini perdebatan hangat berlaku yang dilaporkan seperti berikut:

> Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B Phee Boon Poh):
> Saya nak minta dia tarik balik kerana ini unsur-unsur kata bahawanya nak bagi satu gambaran seolah-olah MPPP, MPSP ambil tindakan terhadap orang Melayu saja, orang-orang Cina dia tak buat. lni ada cukup sensitif ... (gangguan) minta tarik barik.
>
> Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB Dato' Hajah Jahara binti Hamid):
> Gerai ini tidak diroboh pun hanya dikenakan kompaun setahun sekali dan dibenarkan untuk terus berniaga ... (gangguan).

A Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB Phee Boon Poh):
Kalau kata ... (gangguan) ... Minta tarik balik.

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB Dato' Hajah Jahara binti Hamid):
Gerai Melayu ini sudah 20 tahun berniaga terus pergi roboh saja. Ini fakta. Ini fakta ... (gangguan).

B Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB Phee Boon Poh):
Kalau kata restoran tidak diroboh itu lain cerita. Di sini cuba memberi gambaran yang orang Melayu, orang Cina ... (gangguan).

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB Dato' Hajah Jahara binti Hamid):
Apa impression, apa pandangan rakyat.

C Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB Phee Boon Poh):
Minta dia tarik balik.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
Saya akan urus. Duduk. Duduk. Duduk. Saya akan uruskan. YB Telok Ayer Tawar sila beri penjelasan terhadap dakwaan ini. Kalau tidak. Itu
D adakah tidak sihat, sila beri penjelasan yang lebih terhadap dakwaan.

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB Dato' Hajah Jahara binti Hamid):
Saya rujuk kepada jawapan. Jawapan bertulis oleh YB Padang Kota.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB Phee Boon Poh):
Jawapan ada tulis Melayu tak?

E Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB Dato' Hajah Jahara binti Hamid):
Ini faktanya.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB Phee Boon Poh):
Jawapannya ada tulis Melayu tak?

F Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB Dato' Hajah Jahara binti Hamid):
Bukan Melayu, ini restoran seafood Lobster Village, Restaurant Northerm Costal Seafood.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB Phee Boon Poh):
Tarik balik.

G Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB Dato' Hajah Jahara binti Hamid):
Kedai makanan Ah Chong

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB Phee Boon Poh):
Tarik balik.

H Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB Dato' Hajah Jahara binti Hamid):
Apa silapnya.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:
Sungai Puyu.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB Phee Boon Poh):
I Silapnya jawapan tidak tulis Melayu atau Cina, you sendiri yang taruh. Tarik balik.

[56] Plaintif juga ada menyebut mengenai tindakan diskriminasi seperti berikut:

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB Dato' Hajah Jahara binti Hamid):
Kalau tidak ada diskriminasi.

Kawasan Sungai Puyu (YB Phee Boon Poh):
Apa yang diskriminasi. UMNO yang diskriminasi.

[57] Selanjutnya, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri telah meminta penjelasan dari plaintif mengenai isu yang dibangkitkan kerana isu ini dikatakan telah menimbulkan perasaan tidak senang hati di kalangan sebahagian ahli dewan. Ini dilihat di ms. 41 laporan rasmi dewan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:
Semua duduk. Semua duduk. Matikan mic dulu. Saya minta Ketua Pembangkang atas apa yang dinyatakan tadi telah pun menimbulkan perasaan yang tidak senang. Tetapi saya telah minta Ketua Pembangkang supaya buat penjelasan atas apa yang telah dinyatakan, kalau tak ada ini adalah satu yang tidak sihat. Ini adalah satu yang perlu di seriously.

[58] Plaintif kemudiannya memberi respon berikut:

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB DatoYB' Hajah Jahara binti Hamid):
Jawapannya tertulis di sini, tiga (3) restoran masakan makanan laut di kawasan pantai Bagan Ajam ini terus wujud berkembang, membesar tidak ada kawalan. Kalau nak bagi terus beroperasi pun buatlah proses pemutihan. Bagilah kalau nak bagi.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:
Cuma saya hendak jelaskan di sini, saya akan tanya, sila duduk ... (gangguan).

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB Dato' Hajah Jahara binti Hamid):
Saya tidak pasti sama ada mereka ada lesen atau tidak.

[59] Respon yang diberikan oleh plaintif ini tidak memuaskan hati beberapa ahli dewan sehingga Yang di-Pertua telah meminta penjelasan lanjut sama ada plaintif menyatakan pihak berkuasa tempatan mengambil tindakan penguatkuasaan hanya terhadap gerai-gerai Melayu sahaja. Ini dilaporkan di ms. 43, penyata rasmi dewan:

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
YB Sungai Puyu sila duduk, YB Jawi pun sila duduk. Ketua Pembangkang, Saya dalam Dewan yang mulia ini saya nak minta jelas adakah ketua pembangkang tadi telahpun menyatakan bahawa kedai-kedai itu adalah punya Cina, tetapi saya nak minta sila jelaskan bagi jawapan yang jelas adakah Ketua Pembangkang tadi berniat bahawa anda nak menyatakan PBT, Pihak Berkuasa Tempatan hanya menguatkuasa terhadap gerai-gerai Melayu sahaja? Saya nak jawapan yang jelas sahaja dan isu ini saya akan hentikan di sini.

[60] Bagi menjawab soalan Yang di-Pertua Dewan ini, plaintif menjawab bahawa plaintif tidak menyatakan pihak berkuasa tempatan mengambil tindakan hanya terhadap orang Melayu sahaja dan jika ada pemahaman atau 'impression' tersebut plaintif meminta maaf dan plaintif hanya meminta tindakan adil dilaksanakan. Jawapan plaintif ini adalah di ms. 43, penyata rasmi dewan:

> Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB Dato' Hajah Jahara binti Hamid): Saya tak kata PBT mengambil tindakan hanya kepada orang Melayu. Kalau ada impression macam itu, saya minta maaf kerana kerana kita minta supaya berlaku keadilan bukan baru berniaga sehari, dua (2) hari, dah dua puluh (20) tahun. Kemudian perlulah dilihat. Kalau nak ambil tindakan ambil tindakan ke atas semua kenapa pilih-pilih?

[61] Penjelasan plaintif ini telah diterima oleh Yang di-Pertua Dewan dan meminta isu berkenaan tidak lagi dibangkitkan seperti dinyatakan berikut:

> Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:
> Jawi Duduk, Seri Delima duduk. Saya sudah dapat jawapan dan penjelasan yang jelas dari Ketua Pembangkang di mana kalau Ketua Pembangkang sudah nyata kalau dia telah mendatangkan impression itu Ketua Pembangkang sudah minta maaf. So, yang lain tidak perlu lagi membawa isu-isu yang tidak sabit menyabit. Saya minta Ketua Pembangkang juga tolong straight to the point jangan pergi ke jalan tepi-tepi.

[62] Berkaitan isu ini, saya mendapati fakta dua peniaga Melayu di Persiaran Gurney diusir dan dirobohkan adalah fakta yang telah dilaporkan dalam akhbar Utusan Malaysia pada 5 Disember 2013 dan empat restoran makanan laut di Bagan Ajam dikompaun adalah fakta dari jawapan bertulis oleh YB Padang Kota seperti dinyatakan sebelum ini.

[63] Pertamanya, plaintif sebagai wakil rakyat telah membangkitkan masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga terutama peniaga Bumiputera. Plaintif selanjutnya merujuk kepada fakta dua gerai Melayu dirobohkan dan fakta empat restoran makanan laut kepunyaan peniaga Cina hanya dikenakan kompaun. Seperti dinyatakan dalam laporan penyata rasmi dewan, apa yang diminta oleh plaintif adalah untuk pihak berkuasa tempatan mengambil tindakan penguatkuasaan secara adil.

[64] Plaintif juga ada mencadangkan proses pemutihan iaitu tindakan pemberian lesen dibuat kepada peniaga-peniaga restoran yang dimiliki peniaga berbangsa Cina di Bagan Ajam berkenaan yang beroperasi tanpa lesen.

[65] Seterusnya plaintif telah menjelaskan dalam dewan bahawa plaintif tidak menyatakan pihak berkuasa tempatan hanya mengambil tindakan terhadap peniaga Melayu sahaja dan memohon maaf jika ada 'impression' plaintif menyatakan sebegitu. Penjelasan ini telah diterima oleh Yang di-Pertua Dewan dan meminta isu berkenaan tidak ditimbulkan lagi.

[66] Saya berpendapat bahawa hanya kerana plaintif menyebut perkataan peniaga Melayu dan peniaga Cina dalam konteks kes ini iaitu jelas adalah dari fakta yang betul, tidak menjadikan plaintif bersifat perkauman dan seorang yang rasis. Tanggungjawab plaintif adalah untuk mewakili semua kaum terutama yang bermasalah dan dalam kes ini melibatkan penggerai-penggerai Melayu.

Isu Pulau Mazu

[67] Berkaitan dengan isu Pulau Mazu pula, plaintif menyatakan dalam Dewan Undangan seperti berikut:

> Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB Dato' Hajah Jahara binti Hamid): Terima kasih YB Dato' Speaker. Saya nak tarik perhatian Dewan kepada satu perkara yang menarik di sini iaitu adanya satu pulau di Pulau Pinang ini yang dah diberi nama baru. Mazu Island dan Mazu Island ini adalah nama baru. Dan sebenarnya Mazu Island ini adalah Pulau Jerjak. Yang mana telah diberi nama baru oleh seorang pengusaha yang mempromosikan dalam bentuk pelancongan yang telah dibina ini gambarnya ... (tunjuk gambar). Sebuah tokong besar di Mazu Island semua tanpa kebenaran. Saya agaknya. Dan juga merupakan seorang kawan baik kawan kita. Ini gambar yang keluar dan ... (gangguan).

[68] Di sini plaintif jelas menyatakan bahawa Pulau Jerjak telah diberi nama baru iaitu Pulau Mazu oleh seorang pengusaha yang mempromosikan dalam bentuk pelancongan. Seterusnya sebuah tokong besar telah dibina di pulau tersebut tanpa kebenaran. Plaintif juga ada memberi gambaran pengusaha tersebut kawan baik kepada defendan berdasarkan gambar yang dirujuk.

[69] Seterusnya YB Seri Delima telah menyatakan jika gambar tersebut merujuk kepada Ketua Menteri, ia adalah satu tuduhan:

> Ahli Kawasan Seri Delima (YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji): YB Dato Speaker kalau gambar itu merujuk kepada YAB Ketua Menteri saya ingat ia satu tuduhan.

[70] Plaintif kemudiannya memberi respon berikut:

> Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB Dato' Hajah Jahara binti Hamid): Ini tak tuduhlah, ini fakta dan bangunan yang dulunya menempatkan Pusat Pemulihan Kusta telah di ambil alih dan dijadikan kuil. Tokong sorry. Di dalamnya ada tokong-tokong. Selain daripada itu juga mendapat restu Ahli Batu Maung dan ramai lagilah. Betulkah yang jaga Agama Islam kemudian pergi bagi sumbangan kepada mereka.
>
> Jadi Ahli Pantai Jerejak tolong ambil, kita semualah tolong ambil perhatian. Jadi ini mengundangkan impression yang saya sebut tadi ... (dengan izin). Apa dah jadi? Apa dah jadi dengan Pulau Jerjak? Saya contact UDA kerana UDA adalah pemegang saham besar Jerjak Island Resort, UDA terkejut. Tak tahu pun yang bangunan ini telah ditukar syarat ke, apa ke dan dijadikan tokong besar pula itu tokong di kawasan itu. Ini kerana kita rapat, kita kenal, tak bermakna kita boleh buat sesuka hati.

[71] Di sini plaintif menjelaskan beliau tidak membuat sebarang tuduhan dan mempersoalkan 'impression' yang boleh timbul iaitu seseorang itu boleh membuat sesuka hati hanya kerana dia rapat dengan seorang lain. Berdasarkan gambar yang dirujuk iaitu antara defendan dan pengusaha pusat pelancongan Pulau Jerjak tersebut, 'impression' di sini adalah pengusaha berkenaan boleh membuat sesuka hati kerana rapat dengan defendan.

[72] Plaintif juga menafikan dalam Dewan bahawa beliau menyatakan Ketua Menteri yang memberi kelulusan. Di ms. 46, penyata rasmi dewan dicatatkan:

> Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB Dato' Hajah Jahara binti Hamid): Saya tak katapun YAB Ketua Menteri beri kelulusan ... (gangguan).

[73] Seterusnya Yang di-Pertua Dewan mengesahkan perkara ini dan menyatakan beliau tidak mendengar apa-apa tuduhan terhadap sesiapa seperti dilaporkan di ms. 48, laporan penyata rasmi dewan:

> Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
> Dokumen, duduk dulu, YB Seri Delima pun duduk, semua duduk. Kalau apa yang telah dihujahkan oleh Ketua Pembangkang tadi ini semua boleh nanti nanti dijawab oleh Yang Amat Berhormat atau pun EXCO-EXCO yang berkenaan tetapi dalam hujah tadi saya tidak mendengar apa-apa tuduhan khas terhadap sesiapa itu. Sila YB Telok Ayer Tawar masa tidak cukup saya minta teruskan ... (gangguan).

[74] Lanjutan dari isu ini, YB Jawi meminta penjelasan plaintif berhubung gambar yang ditunjukkan oleh plaintif berkenaan dan plaintif menyatakan beliau juga ingin tahu dan menyatakan mungkin defendan boleh memberi penjelasan:

> Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB Dato' Hajah Jahara binti Hamid): Okey okey, mungkin, mungkin YAB Ketua Menteri beri penjelasan saya pun tak tahu, saya pun nak tahu juga gambar ini timbul dalam website ... (gangguan).

[75] Selanjutnya plaintif ada menyatakan seperti berikut:

> Ahli Kawasan Telok Air Tawar (YB Dato' Hajah Jahara binti Hamid): Maksud saya, saya pun nak minta penjelasan kita pun tak tahu apa dah jadi, tiba-tiba ada Mazu Island, ada projek lawatan pergi sembahyang di situ bila ada kelulusan diberi. Soalan saya pun, nak tanya soalan macam mana Ahli YB Batu Maung pergi bagi sumbangan kepada mereka? Pihak Berkuasa Tempatan yang sibuk-sibuk roboh sana sini, Apa kebenaran yang diberi ... (gangguan).

[76] Berdasarkan keseluruhan perbincangan mengenai isu ini di Dewan Undangan Negeri dan juga keterangan saksi-saksi di mahkamah, saya dapati tiada apa-apa keterangan menunjukkan plaintif secara langsung atau berdasarkan inferen memberi gambaran bahawa defendan telah memberi kebenaran bagi pertukaran nama Pulau Jerjak kepada Pulau Mazu dan memberi kelulusan pembinaan tokong di pulau berkenaan.

[77] Justeru itu juga defendan gagal membuktikan bahawa pernyataan-pernyataan fitnah oleh defendan terhadap plaintif adalah benar atau sebahagiannya benar. Sehubungan itu, pembelaan justifikasi oleh defendan tidak dapat diterima.

Pembelaan Ulasan Saksama (Fair Comment)

[78] Pembelaan defendan seterusnya adalah pernyataan fitnah tersebut adalah suatu ulasan saksama.

[79] Bagi defendan membuktikan pembelaan ulasan saksama ini, empat elemen penting perlu ditunjukkan iaitu:

Pertama - perkataan-perkataan yang dikatakan pernyataan fitnah tersebut adalah suatu ulasan atau komen dan ini termasuk inferen fakta.

Kedua - ulasan yang dibuat adalah perkara berkepentingan awam.

Ketiga - ulasan yang dibuat adalah berdasarkan fakta yang dibuktikan benar.

Keempat - ulasan tersebut adalah ulasan di mana seseorang yang berfikiran saksama atau adil boleh dengan jujurnya membuatnya berdasarkan fakta yang dibuktikan.

[80] Dalam kes *Hussin Mohd Ali v. Ho Kay Tat & Anor* [2004] 2 CLJ 407; [2004] 3 MLJ 140 mahkamah menjelaskan isu ini seperti berikut:

> [17] The law as regards the defence of fair comment on a matter of public importance has been succinctly set out in the Singapore Privy Council case of *Jeyaretnam v Goh Chok Tong* [198911 WLR 1109. At p 1112 of the decision the Privy Council laid down the four elements which the defence is required to prove in order to avail itself of such defence as follows:
>
> (i) the words complained of are comments, although it may consist or include inference of facts;
>
> (ii) the comment is a matter of public importance;
>
> (iii) the comment is based on facts; and
>
> (iv) the comment is one which a fair-minded person can honestly make on the facts proved.

[81] Berkaitan elemen-elemen ulasan saksama ini juga Mahkamah Rayuan dalam kes *Chok Foo Choo* (*supra*) di ms. 469 menyatakan:

> To properly appreciate the nature of the defence of fair comment I can do no better than to reproduce its ingredients as set out by Dr Spencer Bower in the second edition of his work entitled. "The Law of Actionable Defamation", where at p. 101 the learned author says this:
>
> > In order that defeasible immunity may attach to the publication of any matter purporting to be comment, such comment must conform to each and every of the following conditions:

A (i) It must be honest, that is to say, it must contain nothing which is not a genuine expression of the opinion actually entertained by the party defaming;

(ii) It must be based on facts stated or assumed, and such facts, unless expressly or impliedly admitted by the party defamed, must be
B proved by the party defaming to be true;

(iii) It must be relevant to, and arise out of, the facts so truly stated or assumed as aforesaid, and must not contain or introduce any new or independent defamatory matter;

(iv) It must not contain any matter imputing discreditable motives to the
C party defamed, or any matter reflecting upon him otherwise than as the author of, or the person responsible for, or concerned in or connected with the particular conduct, work, or thing which constitutes the subject of the comment.

Comment which satisfies all the above conditions is called 'fair comment'.

D **[82]** Selain itu juga rujukan kepada s. 9 Akta Fitnah 1957 adalah membantu dalam isu ini. Seksyen 9 memperuntukkan:

In any action of libel or slander in respect of words consisting partly of allegations of fact and partly of expression of opinion, a defence of fair comment shall not fail by reason only that the truth of every allegation
E of fact is not proved if the expression of opinion is fair comment having regard to such of the facts alleged or referred to in the words complained of as are proved.

[83] Seterusnya ulasan atau komen adalah suatu pernyataan pendapat berdasarkan fakta. Ini dinyatakan dalam kes *Lee Kuan Yew v. JB Jeyaretnam*
F [1978] 1 LNS 93; [1979] 1 MLJ 281 seperti berikut:

A comment is a statement of opinion on facts

[84] Kes yang sama juga menjelaskan bahawa pernyataan fakta berunsur fitnah bukan merupakan suatu ulasan atau komen seperti dinyatakan oleh
G Hakim Chua di ms. 286:

The defence of fair comment arises if the words convey imputation of fact. The imputations in the present case are undoubtedly imputations of fact. A libellous statement of fact is not a comment or criticism on anything (*se R v. Flowers*) ...

H **[85]** Kembali kepada fakta kes ini, pertamanya, pernyataan fitnah defendan telah diputuskan adalah tidak benar dan oleh itu ianya bukan merupakan pernyataan pendapat yang berdasarkan fakta. Pernyataan-pernyataan defendan juga telah diputuskan bersifat fitnah. Oleh itu berdasarkan prinsip undang-undang, pernyataan-pernyataan tersebut bukan
I merupakan suatu ulasan atau komen. Oleh itu pra syarat pertama ulasan saksama tidak dipenuhi. Ini sahaja adalah mencukupi untuk menolak pembelaan ulasan saksama defendan.

[86] Walau apa pun, bagi membuat pertimbangan menyeluruh, fakta kes ini diteliti sama ada ianya memenuhi elemen-elemen yang lain seperti digariskan sebelum ini.

[87] Berhubung dengan elemen kedua, tidak dinafikan isu berkaitan perkauman dan integriti pemimpin adalah menarik perhatian umum dan berkepentingan awam. Oleh itu elemen kedua bagi pembelaan ulasan saksama telah dipenuhi.

[88] Seterusnya, elemen ketiga pula gagal dipenuhi oleh defendan kerana pernyataan fitnah defendan adalah tidak berdasarkan fakta yang dibuktikan benar seperti yang diputuskan sebelum ini.

[89] Lanjutan dari fakta bahawa pernyataan fitnah defendan adalah tidak berdasarkan fakta yang dibuktikan benar, ianya tidak boleh dikatakan dibuat secara jujur. Oleh itu elemen keempat untuk pembelaan ulasan saksama juga tidak dipenuhi.

[90] Berdasarkan huraian ini, defendan juga gagal untuk membuktikan pembelaan ulasan saksama (fair comment).

[91] Sehubungan dengan itu, berdasarkan kepada keseluruhan keterangan, plaintif telah berjaya membuktikan kes plaintif terhadap defendan dalam saman fitnah ini pada imbangan kebarangkalian.

[92] Lanjutan dari keputusan ini, defendan juga bertanggungjawab membayar ganti rugi terhadap plaintif seperti dinyatakan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Dato' Seri Mohammad Nizar Jamaluddin* (*supra*) di ms. 582:

> [55] It is trite law that in a defamation suit, whether for slander or libel, the law presumes that some damages will flow from the publication. This position has long been established by learned Lord Justice Bowen in the case of *Ratcliffe v. Evan* [1892] 2 QB 524 at p. 528 when he said:
>
> > The Law presumes that some damages will flow in the ordinary course of things from the mere invasion of his absolute right of reputation.

Ganti Rugi Dan Kuantumnya

[93] Bagi menentukan ganti rugi dan kuantumnya, ianya adalah bergantung kepada fakta sesuatu kes dan di antara faktor-faktor yang diberi pertimbangan adalah seperti berikut:

(i) kesan fitnah tersebut kepada integriti, reputasi, maruah, profesion dan emosi plaintif;

(ii) tahap serius fitnah yang dibuat;

(iii) jawatan dan kedudukan plaintif dalam masyarakat; dan

(iv) perbuatan defendan dari mula pernyataan fitnah dibuat sehingga tarikh keputusan dan ini termasuk jika ada permohonan maaf bagi pernyataan fitnah yang dibuat.

[94] Berhubung isu kuantum ini, Mahkamah Persekutuan dalam kes *Ling Wah Press (M) Sdn Bhd & Ors v. Tan Sri Dato' Vincent Tan Chee Yioun & Other Appeals* [2000] 3 CLJ 728; [2000] 4 MLJ 77 di ms. 733 (CLJ); ms. 81 dan 82 (MLJ) menjelaskan:

> We find that we cannot compare a particular libel case with other libel cases. Each libel case has its own particular and peculiar facts, is unique and a class by itself. We cannot by our judgment set a precedent on the damages to be awarded. The court must consider a number of factors when assessing damages in a libel case. In *John v. MGN Ltd* [1997] QB 586 at p. 607, Sir Thomas Bingham R (now CJ) said:
>
> > In assessing the appropriate damages for injury to reputation the most important factor is the gravity of the libel; the more closely it (the defamation) touches the plaintiff's personal integrity, professional reputation, honour, courage, loyalty and the core attributes of his personality, the more serious it is likely to be. The extent of publication is also very relevant a libel published to million has a greater potential to cause damage that a libel published to a handful of people. A successful plaintif may properly look to an award of damages to vindicate his reputation but the significance of this is much greater to a case where the defendant asserts the truth of the libel and refused any retraction or apology than in a case where the defendant acknowledges the falsity of what was published and publicly expreses regret that the libelous publication took place.

[95] Saya telah meneliti kesemua faktor-faktor yang berkaitan dan antaranya kesan fitnah kepada integriti, reputasi, maruah, emosi dan profesion plaintif. Saya juga mengambilkira kedudukan plaintif sebagai pemimpin politik dan dalam masyarakat serta pertubuhan-pertubuhan sosial.

[96] Berdasarkan faktor-faktor berkenaan, saya memutuskan untuk defendan membayar ganti rugi keseluruhan atau global kepada plaintif berjumlah RM500,000.

Tuntutan Balas Oleh Defendan

(Defendan Adalah Plaintif Dalam Tuntutan Balas Ini)

[97] Pada 10 Disember 2013, defendan telah mengadakan satu sidang akhbar dan membuat pernyataan-pernyataan yang didakwa oleh plaintif merupakan fitnah terhadap plaintif.

[98] Pernyataan-pernyataan defendan ini telah disiarkan oleh media elektronik dan akhbar-akhbar tempatan seperti berikut:

(i) artikel Malaysia Kini yang diterbitkan pada 10 Disember 2013

> It is true, they are owned by Chinese. But I was asking why there was no action against them compared to the two hawker stalls which were demolished in Gurney Drive "she explained". "The

(owners) were merely slapped with compound (notices) although they are big concern. But the smalls stalls, which the owners run to earn their daily keep, were demolished "she added". "Were they (big four restaurants) ever given notices to leave the premises by the Seberang Perai Municipal Council?".

(ii) artikel Nanyang Siang Pau yang diterbitkan pada 10 Disember 2013 (terjemahannya)

"We wanted to know when was Pulau Jerjak being renamed as Mazu Island and when was the leprosarium permitted to be converted into Mazu Temple", But, if for the outsiders, would they have the ability to do so?

(iii) artikel Oriental Daily yang diterbitkan pada 10 Disember 2013 (terjemahannya)

They had made an accusation that cliques existed within the UMNO party and they even raised it during the assembly. (In respect of Mazu Temple) if for the outsiders, how could they successfully reach there (Pulau Jerjak).

(iv) artikel Guang Ming Daily yang diterbitkan pada 11 Disember 2013 (terjemahannya)

She said the stalls at Pantai Bersih on Bagan Ajam and the 4 seafood restaurants in Bagan Ajam were operating illegally, why the enforcement unit only demolished the stalls operated by Malay at Jalan Pantai Bersih, but only issued compounds to 4 seafood restaurants operated by Chinese every year.

(v) artikel Kwang Wah Yit Poh yang diterbitkan pada 11 Disember 2013 (terjemahannya)

The 4 restaurants only being issued I compound respectively in every year, but under the situation of not receiving any notification, these two hawker stalls being forcibly demolished, why was there such a big difference between both of the? Who those two hawkers can't be given chances to receive compound? Why it was so unfair

[99] Seterusnya plaintif mendakwa pernyataan-pernyataan bersifat fitnah terhadapnya ini adalah tidak benar dan bertujuan untuk merosakkan reputasi plaintif dan mencemarkan nama plaintif secara peribadi dan dalam bidang politik.

[100] Sehubungan itu plaintif membuat tuntutan-tuntutan berikut:

(i) perintah untuk defendan membuat permohonan maaf kepada plaintif dalam akhbar-akhbar tempatan;

(ii) ganti rugi am, ganti rugi teruk (keterlaluan) dan ganti rugi teladan; dan

(iii) faedah dan kos.

Hujahan Plaintif Dalam Tuntutan Balas

[101] Pihak plaintif dalam tuntutan balas menegaskan bahawa pernyataan-pernyataan defendan semasa sidang akhbar yang diadakan pada 10 Disember 2013 dan diterbitkan dalam beberapa akhbar tempatan berkenaan telah menyebabkan integriti plaintif sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang dipertikaikan.

[102] Pernyataan-pernyataan defendan tersebut dihujahkan merupakan serangan terhadap moral dan kejujuran plaintif. Ia juga dikatakan membawa maksud plaintif tidak layak memegang jawatan awam, tidak layak untuk menjadi pemimpin politik, tidak layak menjadi Perdana Menteri, tidak bertanggungjawab dan tidak boleh dipercayai.

[103] Justeru itu, pernyataan-pernyataan defendan ini dihujahkan telah mendedahkan plaintif kepada kebencian, penghinaan dan merendahkan plaintif pada pandangan masyarakat.

[104] Pihak plaintif juga menegaskan bahawa pernyataan-pernyataan defendan tersebut apabila dibaca, difahami membawa maksud-maksud berikut:

(i) plaintif adalah seorang yang rasis dalam mentadbir Pulau Pinang;

(ii) plaintif memberi keutamaan dan melindungi kepentingan pengundi-pengundi berbangsa Cina dari bangsa-bangsa lain terutama bangsa Melayu di Pulau Pinang;

(iii) plaintif bukan seorang Ketua Menteri yang berkaliber apabila meluluskan pembinaan tokong cina; dan

(iv) plaintif adalah Ketua Menteri Pulau Pinang yang rasuah apabila menerima secara langsung atau tidak langsung faedah hasil dari pembinaan tokong cina.

[105] Selain itu, plaintif berhujah pembelaan justifikasi atau ulasan saksama (fair comment) tidak terpakai dalam kes ini.

Hujahan Defendan Dalam Tuntutan Balas

[106] Pihak defendan pula menegaskan bahawa pernyataan-pernyataan defendan pada sidang akhbar berkenaan tidak merujuk kepada plaintif secara peribadi atau sebagai Ketua Menteri. Sebaliknya defendan hanya membangkitkan isu penguatkuasaan berpilih (selective enforcement) oleh pihak penguatkuasaan negeri iaitu dalam kes ini Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Oleh itu dihujahkan tidak timbul isu defendan memfitnah plaintif.

[107] Selain itu, defendan juga membawa pembelaan ulasan saksama (fair comment) dan justifikasi dalam tuntutan oleh plaintif ini. Defendan menegaskan pernyataan-pernyataan defendan adalah tanpa niat jahat dan

hanya merupakan jawapan kepada soalan yang ditanya oleh pemberita serta penjelasan mengenai apa yang berlaku dalam persidangan Dewan Undangan Negeri. Perkara yang dinyatakan oleh defendan juga merupakan perkara berkepentingan awam.

[108] Berhubung pembelaan justifikasi pula defendan berhujah pernyataan-pernyataan yang dibuat berhubung penguatkuasaan berpilih dan isu Pulau Mazu adalah berdasarkan fakta yang tidak dipertikaikan.

[109] Selain itu, berkaitan isu 'Mazu Island', dihujahkan juga ia tidak merujuk kepada plaintif secara peribadi atau sebagai Ketua Menteri. Sekiranya ada sebarang keputusan untuk menukar nama Pulau Jerjak kepada Pulau Mazu dihujahkan ianya mestilah dengan kelulusan Kerajaan Negeri dan bukan keputusan Ketua Menteri seorang.

Dapatan Dan Keputusan Mahkamah

[110] Tuntutan plaintif untuk tindakan fitnah ini adalah berdasarkan pernyataan defendan dalam sidang akhbar pada 10 Disember 2013 dan disiarkan dalam akhbar-akhbar tempatan. Pernyataan-pernyataan yang dikatakan bersifat fitnah tersebut bagi memudahkan rujukan adalah seperti berikut:

(a) It is true they are owned by Chinese but I was asked why there was no action against them compared to the two hawker stalls which were demolished in Gurney Drive.

(b) The owners were merely slapped with compound notices although they are big concerns but these small stalls which the owners run to earn their daily keep were demolished.

(c) Were they the big four restaurants ever given notices to leave the premised by the MPSP?

(d) She said the stalls at Pantai Bersih and the four seafood restaurants in Bagan Ajam were operating illegally. Why the enforcement unit only demolished the stalls operated by Malays at jalan Pantai Bersih but only issued compound to four seafood restaurants operated by Chinese every year?

(e) The four restaurants only been issued one compound respectively in every year but under the situation of not receiving any notification, these two hawker stalls being forcibly demolished. Why was there such a big difference between both of them? Why these two hawkers can't be given chance to receive compounds? Why it was so unfair?

(f) They had made an accusation that clicks existed within the UMNO party and they even raised it during the assembly (in respect of Mazu Temple). If for outsider's how could they successfully reach there, (Pulau Jerjak?)

A (g) We wanted to know when was Pulau Jerjak been renamed as 'Mazu Island' and when was the leprosarium permitted to be converted into Mazu Temple. But for the outsiders, would they have the ability to do so?

[111] Undang-undang mantap adalah jelas seperti dinyatakan sebelum ini
B bahawa salah satu elemen bagi pernyataan fitnah adalah perkataan atau pernyataan berkenaan hendaklah merujuk kepada plaintif dan sekiranya nama plaintif tidak dinyatakan dalam pernyataan tersebut, ujiannya adalah pernyataan atau perkataan berkenaan secara munasabah membawa kepada orang-orang yang mengenali plaintif membuat kesimpulan pernyataan
C tersebut adalah merujuk kepada plaintif.

[112] Dalam kes *Shaharuddin Mohammad v. Malayan Banking Bhd* [2011] 5 CLJ 205 dinyatakan seperti berikut:

> In *Knappffer v. London Express Newspaper Ltd* [1944] AC 116, it was stated that it is an essential element of the cause of action for defamation that
D the words complained of should be published "of the plaintiff" ... Where he is not named, the test is whether the words would reasonable lead people acquainted with him to the conclusion that he was the person referred to

[113] Kembali kepada pernyataan-pernyataan yang dibuat oleh defendan,
E penelitian terperinci terhadapnya mendapati pernyataan-pernyataan berkenaan menjuruskan kepada persoalan penguatkuasaan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai dan persoalan mengenai pertukaran nama Pulau Jerjak kepada Pulau Mazu.

[114] Tiada sebarang rujukan dibuat terhadap plaintif sama ada secara
F langsung mahu pun secara tidak langsung.

[115] Oleh kerana elemen penting ini tidak dapat dibuktikan oleh plaintif dalam tuntutan balas ini, plaintif gagal membuktikan kes terhadap defendan. Sehubungan itu juga tuntutan balas ini adalah ditolak.

G **Kesimpulan**

[116] Tuntutan plaintif dalam tuntutan asal terhadap defendan adalah dibenarkan.

[117] Defendan diperintahkan membayar plaintif ganti rugi keseluruhan
H berjumlah RM500,000.

[118] Defendan juga diperintahkan membayar faedah 5% setahun dari jumlah penghakiman dari tarikh keputusan sehingga penyelesaian.

[119] Mahkamah seterusnya membuat perintah injunksi agar defendan tidak membuat apa-apa pernyataan fitnah terhadap plaintif.
I

[120] Mahkamah selanjutnya membuat perintah untuk defendan membuat penerbitan penarikan balik pernyataan-pernyataan berunsur fitnah terhadap plaintif yang diterbitkan atau disiarkan dalam akhbar tempatan dan media elektronik.

[121] Tuntutan balas dalam kes ini juga adalah ditolak.

[122] Mahkamah juga memerintahkan defendan dalam tuntutan asal yang juga plaintif dalam tuntutan balas membayar kos keseluruhan berjumlah RM40,000 kepada plaintif dalam tuntutan asal yang juga defendan dalam tuntutan balas.